

## Proses Penamaan Calon PMPP UMS Berjalan Lancar

Terakhir dikemaskini: Khamis, 11 Oktober 2018 15:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 135

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**KHAMIS, 11 OKTOBER** - Proses Penamaan Calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjalan lancar kelmarin di kampus induk UMS termasuklah di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) dan Kampus Cawangan Sandakan.

Penamaan Calon itu yang bermula pukul 9.00 hingga 11.00 pagi menyaksikan seramai 25 calon bakal bertanding bagi merebut 10 Kerusi Umum pada PMPP yang dijalankan serentak pada 17 Oktober ini.

Daripada jumlah tersebut, 17

calon akan bertanding bagi tujuh kerusi di UMS Kota Kinabalu, lima calon untuk dua kerusi di UMSKAL dan tiga calon bertanding untuk satu kerusi di UMS Kampus Sandakan.

Bagi Kerusi Fakulti, sebanyak lima fakulti di kampus induk telah mencatatkan kemenangan calon tanpa bertanding.

Fakulti tersebut ialah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Turut merekodkan calon menang tanpa bertanding ialah Kerusi Fakulti untuk Pusat Pengajian Pascasiswazah.

Fakulti selebihnya iaitu Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) masing-masing akan ditentukan pada proses pemilihan nanti.

Dalam pada itu, di UMSKAL calon-calon akan bertanding bagi merebut dua kerusi Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan satu kerusi untuk FKI Labuan.

Senario itu turut dirasai di Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan menerusi empat calon yang bertanding untuk dua Kerusi Fakulti.

Sehubungan itu, para pelajar UMS yang layak mengundi dipelawa untuk menunaikan tanggungjawab bagi membuang undi pada tarikh ketetapan tersebut.